

Sindiket perdaya belia, suri rumah jadi ejen jual produk secara online

Kosmo  
22/4/17  
mls 2

# Muda-muda dah hutang RM60 juta

**KUALA LUMPUR** - Impian tiga anak muda untuk bergelar usahawan online bukan sahaja musnah, malah bertukar menjadi mimpi ngeri apabila mereka kini menanggung hutang sehingga RM60 juta selepas ditipu sekumpulan sindiket.



ACRYL



ZULHELMI

pada mana-mana individu untuk menjadi ejen dengan menjual barangan pada harga lebih murah berbanding pasaran.

Ejen pula membuat promosi dan menjual produk berkenaan di laman sosial masing-masing seperti Facebook, Instagram dan Twitter.

Menurut seorang ejen serta mangsa penipuan online, Muhammad Zulhelmi Mohd. Yusof, 20, dia dan dua rakannya kini berhutang hampir RM60 juta selepas duit pelanggan yang menempah telefon pintar iPhone lesap dilarikan sindiket.

"Sebelum ini saya menjadi pelanggan kepada satu sindiket menjual iPhone pratempahan yang sangat murah. iPhone 6 dijual pada harga serendah RM600 berbanding harga pasaran sekitar RM1,200.

"Selepas membeli telefon itu, saya berhubung dengan sindiket tersebut untuk menjadi ejen kerana mahu mencari pendapatan sampingan. Jualan yang saya lakukan berjumlah lebih RM2 juta



ZULHELMI (kanan) dan rakannya menceritakan kisah hitam yang menimpa mereka kepada wartawan *Kosmo!* dalam temu bual di Kuala Lumpur semalam.



CONTOH iklan barangan kemas menerusi online yang ditawarkan pada harga lebih murah di pasaran.

dengan lebih 2,000 pelanggan.

"Kebanyakan pelanggan percaya kerana sudah ada dalam kalangan pembeli kumpulan pertama berjaya memperoleh telefon mereka," katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Bagaimanapun, Zulhelmi berkata, impiannya itu musnah apabila sindiket jualan iPhone itu tidak menghantar telefon kepada pelanggan walaupun dia telah menyerahkan bayaran RM2 juta.

"Alasan yang diberikan oleh sindiket tersebut ialah pengedar telefon dari luar negara tidak melakukan penghantaran.

"Kesudahannya saya dan dua ejen lain terpaksa menanggung hutang mencecah RM60 juta. Sindiket yang beroperasi di Kuala Lumpur itu tidak mahu bertanggungjawab," ujarnya.

Tambah Zulhelmi, laporan polis telah dibuat di Balai Polis Alor Gajah, Melaka.

"Saya tertekan kerana pada usia muda terpaksa tanggung hutang lebih RM2 juta. Seorang lagi rakan saya yang berusia 19 tahun lebih teruk sehingga terpaksa menghilangkan diri kerana diburu pelanggan selepas berhutang lebih RM50 juta," keluhnya.

Sementara itu, taktik sindiket online mencari ejen untuk menjual produk mereka bagi mengaut keuntungan lebih besar turut menimpa sekumpulan suri rumah.

Wakil kumpulan itu, Nurhidayah Abdul Aziz berkata, lebih 100 orang suri rumah yang mahu mencari pendapatan sampingan ditipu hampir RM20 juta oleh sebuah syarikat jualan barangan kemas apabila barangan yang dibeli pelanggan tidak diterima.

Katanya, dia dan ejen lain menjadi ejen kepada syarikat itu sejak 2014 dengan menjual barangan kemas lebih murah daripada



IPHONE LIST  
IP58Sc : RM200 16gb RM250 64gb  
IP5s : RM300 16gb RM350 64gb  
IP6: RM600 16gb RM700 64gb  
IP6s : RM1000 16gb RM1250 64gb ( new set)

YICAM ONE SET RM179

ALL IPHONE ARE ORIGINAL 100% WARRANTY 3 BULAN ROSAK TUKAR BARU

INI SEMUA IPHONE PREORDER 8-12 MINGGU. SILA BACA DENGAN TELITI D InsyaAllah sama2 take place order. Last promo 11/10# Taglan kepada kawan2 yeee.



19 likes

INILAH iklan yang dibuat Zulhelmi menerusi Instagram sehingga menyebabkan dia kini berhutang RM2 juta dengan 2,000 pembeli.

da harga pasaran.

"Pada mulanya semua barangan kemas yang dihantar kepada pelanggan tepat pada waktunya iaitu sekitar empat hari bekerja. Bagaimanapun selepas Oktober 2015, semua barangan kemas yang dibeli tidak dihantar kepada pelanggan.

"Saya sendiri membuat jualan sebanyak RM50,000 tetapi barangan kemas yang ditempah tidak dihantar. Pemilik syarikat itu pula telah menghilangkan diri selain akaun Facebook syarikat ditutup," ujarnya.

Tambah Nurhidayah, dia dan beberapa rakan-nya akan membawa kes tersebut ke mahkamah memandangkan tiada penyelesaian dapat dilakukan walaupun telah membuat laporan polis.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani mengesahkan telah menerima laporan polis berhubung kedua-dua kes terbabit dan siasatan

sedang dilakukan.

"Pihak polis sudah menerima laporan polis daripada semua mangsa yang terlibat dalam kes penipuan online terbabit. Siasatan masih berjalan bagi memastikan semua aspek diambil kira," ujarnya.

INFO

Harga telefon yang ditawarkan sindiket

Model	Harga pratempahan online	Harga pasaran
iPhone 5 16g	RM250	RM550
iPhone 5 64g	RM300	RM750
iPhone 5s 16g	RM350	RM800
iPhone 5s 64g	RM400	RM1,000
iPhone 6 16g	RM600	RM1,200
iPhone 6 64g	RM650	RM1,700
iPhone 6s 16g	RM1,100	RM2,200
iPhone 6s 64	RM1,300	RM2,500

Modus operandi penipu siber

- Jual barang dengan murah
- Kumpulan pertama pelanggan dapat barangan yang dibeli bagi mewujudkan keyakinan kepada orang ramai
- Lantik ejen-ejen. Kumpulan pembeli seterusnya tidak mendapat barangan
- Penipu siber memberi alasan pembekal tidak menghantar barangan
- Penipu siber terus mendiamkan diri
- Hutang ditanggung oleh ejen-ejen